

Sebahagian besar tak menepati matlamat asal

MTN tetapkan cara bina bandar baru

MARAN, Ahad — Majlis Tindakan Negara (MTN) telah memutuskan pembangunan bandar baru dilaksanakan secara berperingkat, sesuai dengan pembangunan ekonomi dan pertumbuhan penduduk masa kini.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata, keputusan ini diluluskan dalam

Oleh SHARIFUDDIN MOHAMAD

mesyuarat MTN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini.

Majlis itu memutuskan demikian setelah didapati sebahagian besar pembangunan bandar baru tidak menepati matlamat asal, iaitu membantu memajukan masyarakat sekitarnya.

MTN juga bersetuju supaya keutamaan diberikan kepada pembinaan bangunan dan ke-

mudahan lain yang benar-benar diperlukan.

Ini termasuklah ruang perniagaan dan rumah kediaman tetapi dengan harga yang mampu dibayar oleh penduduk tempatan.

Bergantung

Pemangku Perdana Menteri menyatakan kerajaan juga bersetuju memberikan lot-lot tanah kepada mereka yang berminat mendirikan ruang-ruang kedai mengikut perancangan bandar yang bermula secara kecil-kecilan.

Bagaimanapun, ini akan diperluaskan, bergantung kepada perkembangan ekonomi dan pertumbuhan penduduk.

Datuk Musa hari ini merasmikan mesyuarat perwakilan Umno bahagian Maran.

Menurut Datuk Musa, ruang kedai yang besar seperti bangunan-bangunan batu di kawasan yang baru dibuka sudah tentu tidak mampu dimiliki oleh rakyat dan kerana itu tidak berfaedah.

Di Jenkka, katanya, banyak peluang perniagaan yang masih terbuka luas untuk penduduk tempatan memisahkan pembangunan ekonomi masing-masing.

Bellau menyeru supaya pembangunan wilayah itu yang telah diasaskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak diteruskan, untuk memberi faedah kepada ribuan penduduk di Jenkka dan Maran, khususnya.

Menurut bellau, proses pembangunan kawasan luar bandar, terutama di rancangan tanah seperti Wilayah Jenkka dan gubahan-gubahan Felda adalah terlalu lambat.

Datuk Musa juga kesal kerana setengah penroka yang mempunyai hak all berlembhan membelanjakannya di luar kawasan masing-masing.

Bellau berharap penroka Felda, terutama mereka di Jenkka, akan berusaha dan menggunakan daya usaha masing-masing untuk memajukan kawasan itu dan mengelakkan pengaliran keluar wang.

Selain itu, daya usaha seperti itu akan memastikan keuntungan yang penduduk perolehi dapat dipulangkan kepada kawasan itu sendiri, kata Datuk Musa.

Datuk Musa memberi jaminan kerajaan akan terus membuka kawasan-kawasan tanah dan sebagai buktinya, rancangan Felda di Jenkka, Dara (Pahang Tenggara) dan lain-lain telah pun mengeluarkan hasil.

"Ini jelas bahawa kerajaan benar-benar berusaha untuk memberi kemudahan dan kemudahan kepada rakyat.

"Di negara-negara luar, umpamanya, faedah hanya diperolehi oleh mereka di kawasan-kawasan bandar manakala mereka di luar bandar ketinggalan.

"Bagi kita, ini tidak berterti jika faedah itu hanya diperolehi oleh segelintir rakyat sahaja. Sebab itulah penyertaan semua rakyat diperlukan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia